

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK]**

**TARIKH : 15.03.2017 (RABU)**

**SOALAN : 50**

**Dr Mansor Bin Abd Rahman [ Sik] minta PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi memulihkan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan dalam membanteras gejala rasuah di dalam sektor awam. Berapa banyak kes atau pertuduhan serta nilai rampasan yang telah diambil tindakan oleh pihak SPRM dari tahun 2011 hingga 2016.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui usaha pencegahan yang telah dilaksanakan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengambil beberapa tindakan bagi memulihkan keyakinan rakyat dalam membanteras gejala rasuah di dalam sektor awam adalah seperti berikut:

- 1) Aktiviti formal seperti Majlis Penerangan dan Klinik Anti-Rasuah. Selain itu program tidak formal yang bersifat mesra rakyat dengan kempen “SPRM Mesra Rakyat dan Perasuah Digeruni”;
- 2) Aktiviti Khidmat Nasihat mengenai Amalan, Sistem dan Tatacara Kerja di dalam Sektor Awam bagi menutup ruang dan peluang, salahgunakuasa dan penyelewengan sebagaimana di dalam Seksyen 7(c),(d) dan (e) APSRM 2009;
- 3) Corporate Integrity Pledge (CIP);
- 4) Corruption Risk Management (CIP);
- 5) Anti Corruption & Ethics Centre (ACE);
- 6) Laman-Laman Portal seperti Portal CISM dan Portal ACE; dan
- 7) Penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 yang berkuatkuasa pada 24 Julai 2013. Sehingga kini sebanyak 887 unit integriti telah ditubuhkan disemua peringkat persekutuan dan kerajaan negeri. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh unit ini seperti penyediaan Plan Integriti Organisasi, Corruption Risk Management Plan, melaksanakan tindakan pemantauan, melaksanakan Ikrar Bebas Rasuah dan pelbagai inisiatif lain dari semasa ke semasa.

Sebanyak 1763 kes telah dituduh dari tahun 2011 hingga 2016 dan bagi jumlah harta yang telah dirampas serta dilucuthak oleh SPRM adalah RM33,779,137.86.

Untuk makluman Yang Berhormat maklumat ini boleh dilayari atau dirujuk di laman web [sprm.gov.my](http://sprm.gov.my).

Sekian, terima kasih.